September 2026 | Bil. 09/2026 https://appgm-sdg.com

BULETIN

Memajukan Pembangunan Sosial Melalui Pemerkasaan Komuniti









Inisiatif Kejiranan

Dengan Kerjasama:

APPGM-SDG

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

YAYASAN HASANAH
A foundation of Khazanah Nasional



AKAR UMBI DALAM TINDAKAN: BAGAIMANA PROGRAM PKK MENTRANSFORMASI KOMUNITI DARI DALAM

YB Tuan Prabakaran M Parameswaran
Ahli Parlimen Batu

KANDUNGAN

Kolum Dari Parlimen ke Akar Umbi

Akar Umbi dalam Tindakan: Bagaimana Program PKK Mentransformasi Komuniti dari Dalam 03

Kolum Rencana Khas

Daripada Kejiranan kepada Impak Dasar: Memupuk Daya Tahan, Perpaduan, dan Kelestarian 05

Suara dari Akar Umbi

Daripada Penerima Manfaat kepada Rakan Strategik: Transformasi Kepimpinan Akar Umbi DI Kampung Tilis 07

Suara dari Akar Umbi

Bagaimana Kepimpinan Akar Umbi dan Pemerkasaan Belia Memacu Perubahan di Pakan, Sarawak 09

Suara dari Akar Umbi

Memperkasa Generasi Kedua Gua Musang: Kepimpinan Komuniti dan Daya Tahan Ekonomi di KESEDAR 11

Suara dari Akar Umbi

Daripada *Waste to Wealth*: Bagaimana Kepimpinan Wanita di Taman Dato' Harun Memacu Daya Tahan Komuniti 13

Suara dari Akar Umbi

Memperkasa Komuniti Langkawi: Kepimpinan Tempatan, Pemerkasaan Wanita, dan Tindakan Lestari 15

Suara dari Akar Umbi

Memimpin Bersama Komuniti: Bagaimana Taman Angkasa Nuri Membina Kejiranan yang Berdaya Tahan, Inklusif, dan Aktif 17

Sorotan Acara

RISE 2026 Zon Utara: Memperkukuh Rakan Solusi bagi Impak Komuniti yang Lebih Besar 19

Sorotan Acara

Pemimpin Akar Umbi Diraikan di Sidang Kemuncak Kepimpinan Kelestarian Malaysia Ke-5 21

Ahli Parlimen Turun Padang 23

Pasukan Editorial:

Penyunting	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Kulit dan Pereka Susun Atur	Kezia Sim Kui Ting Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Ikuti Kami untuk Maklumat Lanjut

@APPGMSDGMY

APPGM-SDG Secretariat

@appgm_sdg

@appgmsdg



AKAR UMBI DALAM TINDAKAN: BAGAIMANA PROGRAM PKK MENTRANSFORMASI KOMUNITI DARI DALAM



By YB Tuan Prabakaran M Parameswaran
(Ahli Parlimen Batu)

Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) adalah program untuk memperkasakan komuniti kejiranan di peringkat akar umbi. Program ini dianjurkan oleh APPGM-SDG selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang berasaskan kepada 17 matlamat SDG untuk memajukan masyarakat setempat secara mampan. Program kejiranan ini dianjurkan di kawasan kejiranan dengan kerjasama pemimpin kejiranan yang membentuk suatu jawatankuasa pelaksanaan program kejiranan dan Kepimpinan dari kalangan komuniti kejiranan sendiri. Kejiranan PPR Beringin dan PPR Batu Muda, adalah diantara dua kawasan kejiranan yang terlibat dalam program PKK dari pada 50 kejiranan di seluruh negara.

Program PKK yang dianjurkan di kawasan kejiranan adalah berasaskan kepada lima tema kejiranan iaitu tema pertama Kepimpinan dan Kejiranan, tema kedua Pembangunan Keluarga Bahagia, tema ke tiga adalah Pembangunan kanak-kanak dan belia, tema ke empat dan tema ke lima memfokuskan kepada intervensi dasar iaitu Program Pendidikan Hak Warganegara dan Rancangan Malaysia Ke 13 (RMK 13), kepada komuniti kejiranan.

Program tema kepimpinan dan kejiranan memberikan tumpuan untuk kepimpinan jawatankuasa dan komuniti setempat di kejiranan dalam memimpin kejiranan mereka melalui semangat kerjasama. Program Pembangunan Keluarga Bahagia menggalakan komuniti setempat untuk mengamalkan nilai-nilai mulia dan kasih sayang dikalangan keluarga sendiri dan seterusnya mempereratkan hubungan silaturahim sesama keluarga jiran dalam membentuk komuniti kejiranan yang ceria dan Bahagia. Program Pembangunan Kanak-kanak dan Belia memfokuskan kepada masa depan generasi muda di kejiranan untuk berjaya dalam segala urusan hidup selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Program Intervensi dasar Pendidikan Hak Warganegara dan RMK 13 telah memberikan pendedahan kepada komuniti kejiranan mengenai hak mereka dalam perlembagaan dan undang-undang serta peranan dasar negara untuk membangunkan individu,keluarga dan komuniti kejiranan dalam arus Pembangunan negara. Program intervensi dasar juga memberi motivasi kepada masyarakat setempat untuk terlibat bersama dalam menjaga dan menjayakan dasar-dasar Kerajaan di peringkat kejiranan selaras dengan agenda negara untuk memajukan masyarakat Malaysia yang mampan. Pembangunan infrastruktur fizikal yang selamat untul alam sekitar kejiranan bersama pembangunan minda pemikiran yang berkualiti diusahakan melalui program intervensi dasar ini.



Walaupun program PKK ini dianjurkan dengan dana peruntukkan yang agak kecil tetapi perlaksanaan program di kawasan kejiranan telah memberi impak yang tinggi kepada komuniti kejiranan. Program PKK dapat mempertingkatkan semangat kepimpinan dikalangan komuniti kejiranan setempat. Ahli-ahli kejiranan telah mula berkenalan dengan jawatankuasa kepimpinan kejiranan yang sedia ada dan mula menawarkan diri secara sukarela untuk berhidmat bersama dalam kepimpinan kejiranan setempat. Melalui program Kepimpinan dan Kejiranan komuniti setempat dan para pemimpin setempat yang berlantarbelakangkan agama, sosial, ekonomi dan politik dapat berkenalan dan mempereratkan hubungan silaturahim.



Perlaksanaan program bertemakan Kepimpinan, Pembangunan Keluarga dan Pembangunan Kanak-kanak dan belia di kawasan kejiranan setempat telah membuka ruang untuk mengamalkan semula cara hidup berkonsepkan kejiranan. Melaksanakan program PKK secara kerjasama melalui amalan gotong royong telah memperkukuhkan semangat kejiranan dikalangan semua keluarga berbilang kaum. Ia memberikan impak yang amat positif kepada komuniti kejiranan dari segi perpaduan yang menjadi fomular asas untuk Pembangunan negara. Komuniti kejiranan telah sedar kepentingan semangat kerjasama dan amalan prinsip Rukun Negara di kalanganpenduduk berbilang kaum di sesuatu kawasan kejiranan sebagai gaya hidup yang sihat dan sempurna.

Melalui program PKK khasnya intervensi dasar , komuniti kejiranan mula terlibat menjaga kejiranan mereka secara sukarela. Para belia telah mula menggunakan peluang dan ruang yang disediakan oleh jawatankuasa kepimpinan kejiranan untuk menjaga dan membangunkan bersama kejiranan mereka dari segi keselamatan, infrastruktur, kemudahan awam dan perkhidmatan sosial dari Kerajaan. Komuniti Kejiranan juga telah menyedari hak mereka sebagai warganegara dan peranan mereka untuk menjaga dan memajukan kejiranan mereka. Penduduk kejiranan secara individu mahupun bersama keluarga mula terlibat dalam jawatankuasa kejiranan kepimpinan secara kolektif untuk mendapatkan berbagai bantuan dan kemudahan Kerajaan kepada kejiranan. Komuniti kejiranan juga mula aktif bersama jawatankuasa kejiranan memantau perlaksanaan dasar -dasar kerajaan khasnya RMK 13, diperingkat kejiranan.

Program PKK ini juga telah mempereratkan hubungan diantara agensi kerajaan dan komuniti kejiranan setempat melalui berbagai program sosial yang merentasi lima tema kejiranan. Program Kesihatan, program kebun komuniti, program panduan penjagaan warga emas, program keselamatan kejiranan, program Pendidikan untuk kanak-kanak dan belia , ceramah dari pegawai majlis daerah, Majlis Perbandaran, Dewan Bandaraya dan agensi-agensi kerajaan yang relavan dengan Pembangunan kejiranan. Komuniti kejiranan yang perlukan bantuan Kebajikan dan Kesihatan juga dapat mengekses dengan muda kepada berbagai bantuan dan pertolongan dari agensi kerajaan yang terlibat.

2



Program Kejiranan di Taman Inderapura, Kuantan, Pahang

DARIPADA KEJIRANAN KEPADA IMPAK DASAR: MEMUPUK DAYA TAHAN, PERPADUAN, DAN KELESTARIAN

Program Kejiranan dan Kepimpinan (PKK) adalah program akar umbi yang dianjurkan kepada komuniti kejiranan dalam usaha memperkasakan dan membina komuniti daya tahan dengan mengenal pasti dan mengatur strategi menggunakan sumber yang sedia ada di kalangan komuniti kejiranan dengan berkesan demi kebaikan bersama komuniti kejiranan. Pendekatan berasaskan kepimpinan dan amalan prinsip Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) secara berkolektif dan sistematik digunakan untuk menjayakan komuniti kejiranan yang lestari.

APPGM-SDG telah memulakan program PKK fasa pertama dengan memperkenalkan 5 tema program kejiranan pada tahun 2024, di 50 kawasan Kejiranan Semenanjung termasuk wilayah Sabah dan Sarawak.



Bengkel Pemerkasaan PKK melalui Intervensi Dasar (Tema Hak Kewarganegaraan) di Dewan Nasi Kak Chik, Tumpat, Kelantan

PKK dilaksanakan berpandukan kepada lima tema Kejiranan iaitu Tema Kepimpinan, Tema Keluarga, Tema Pembangunan Kanak-kanak dan Belia, serta dua program bertemakan intervensi dasar iaitu program Pendidikan Hak Warganegara dan Program RMK ke 13. PKK diteruskan bagi tahun 2025 dengan peruntukan dana untuk dua program sahaja iaitu program memperkukuhkan jawatankuasa kejiranan dan program kejiranan bersama komuniti setempat. Bagi tahun 2026 fasa ke 2 diteruskan semula dengan 5 tema kejiranan yang memberikan keutamaan kepada tema program intervensi dasar iaitu program Pendidikan Hak Warganegara dan RMK 13.

Perlaksanaan lima PKK bersama komuniti kejiranan secara keseluruhannya telah berjaya melibatkan seramai 35,000 orang peserta bagi tahun 2024 dan 2026. Seramai 750 orang pemimpin kejiranan telah terlibat aktif dan membentuk jawatankuasa kejiranan di Kejiranan mereka untuk melaksanakan program PKK bersama komuniti kejiranan di kawasan setempat. Semua jawatankuasa kejiranan telah mengikuti program Pemantapan Kepimpinan Jawatankuasa Kejiranan anjuran APPGM-SDG pada tahun 2025 untuk melaksanakan program kejiranan dengan lebih mantap dan cekap.



Bengkel Pemerkasaan PKK melalui Intervensi Dasar (Tema Hak Kewarganegaraan & RMK-13) bagi PPR Impian Baiduri (Petaling Jaya) di Melaka

Program Intervensi Dasar, dengan kerjasama Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial, iaitu Pendidikan Hak Warganegara dan Rancangan Malaysia Ke 13 (RMK 13) adalah dua tema program yang baru diperkenalkan kepada komuniti Kejiranan. Program ini dilaksanakan dalam bentuk bengkel kepada 50 orang pemimpin masyarakat dan pertubuhan dari sesebuah kejiranan. Selepas melaksanakan bengkel sehari bersama pemimpin tempatan, suatu aktiviti susulan ceramah umum berkaitan Pendidikan Hak Warganegara dan RMK 13 akan diadakan bersama komuniti setempat kejiranan. Para pemimpin masyarakat dan komuniti kejiranan diterangkan secara terperinci mengenai hak mereka sebagai warganegara dari segi perundangan, hak Pendidikan,hak ekonomi, hak perumahan , hak mengundi, dan hak bersuara melalui Pendidikan hak warganegara. Isu-isu sosio ekonomi dan dasar negara

yang amat relavan untuk Pembangunan negara, komuniti, kejiranan dan individu dijelaskan melalui Bengkel RMK 13 kepada komuniti kejiranan.

Program intervensi dasar ini juga memperkasakan masyarakat kejiranan untuk memimpin dan menjaga kejiranan mereka melalui tanggungjawab bersama. Para peserta digalakkan untuk memantau perlaksanaan RMK 13 diperingkat kejiranan dan menjaga kejiranan dan keluarga mereka melalui kepentingan perlembagaan dan undang-undang negara.

Impak dan Amalan Terbaik Perlaksanaan Program Kejiranan dan Kepimpinan

1. *Peningkatan Penyertaan Komuniti*

Program Kejiranan dan Kepimpinan telah berjaya meningkatkan penyertaan komuniti setempat, khususnya dalam kalangan belia dan wanita pelbagai kaum. Penduduk bukan sahaja hadir sebagai peserta, malah semakin berminat untuk terlibat secara aktif dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti kejiranan, termasuk program gotong-royong, keselamatan komuniti dan aktiviti kemasyarakatan yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

2. *Kerjasama komuniti semakin kukuh*

Pelaksanaan program berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) telah memperkukuh kerjasama antara Jawatankuasa Kejiranan, pertubuhan komuniti, dan pelbagai pihak berkepentingan di peringkat tempatan. Sokongan daripada pelbagai pihak termasuk organisasi komuniti dan kumpulan masyarakat tanpa mengira latar belakang telah membantu memperluaskan pelaksanaan program kejiranan serta meningkatkan impak pembangunan komuniti.

3. *Perpaduan antara kaum diperkukuh*

Pelbagai aktiviti kejiranan seperti hari keluarga, aktiviti sukan, program kebudayaan dan gotong-royong telah membuka ruang interaksi antara penduduk pelbagai kaum dan latar belakang. Program kejiranan yang dianjurkan dikawasan kejiranan memfokuskan kepada prinsip Ruku Negara yang menjadi asas perpaduan dan pembangunan negara yang memperkasakan semangat kenegaraan, kerohanian serta intergerasi kaum yang kukuh dikalangan komuniti kejiranan yang berbilang kaum. Aktiviti ini bukan sahaja mempereratkan hubungan silaturahim, malah membantu meningkatkan komunikasi antara komuniti dan pemimpin setempat, sekali gus menyumbang kepada pembinaan komuniti yang lebih harmoni dan berdaya tahan.

4. *Hubungan lebih erat dengan agensi kerajaan*

Program kejiranan juga telah memperkukuh hubungan antara komuniti setempat dengan agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan melalui penglibatan mereka dalam pelbagai aktiviti komuniti. Kehadiran agensi seperti pihak berkuasa tempatan, jabatan kesihatan, agensi keselamatan dan jabatan berkaitan telah membuka ruang perkongsian maklumat, khidmat nasihat serta peluang kerjasama dalam usaha memajukan pembangunan komuniti. Program intervensi dasar, Pendidikan Hak Warganegara dan Rancangan Malaysia Ke 13 (RMK 13) yang dilaksanakan diperingkat akar umbi telah mengalakkan penglibatan pemimpin komuniti mahupun ahli masyarakat untuk terlibat dengan aktiviti-aktiviti agensi kerajaan khasya berkaitan dengan pembangunan infrastruktur dan keselamatan kejiranan yang mampan demi kesejahteraan nkomuniti kejiranan.

5. *Kemahiran kepimpinan komuniti meningkat*

Melalui penglibatan dalam program dan latihan yang dianjurkan, ahli Jawatankuasa Kejiranan serta peserta program menunjukkan peningkatan dalam kemahiran kepimpinan, perancangan dan pelaksanaan program komuniti. Jawatankuasa kejiranan mula bertindak memantau dasar dan polisi Kerajaan seperti perlaksanaan Rancangan Malaysia Ke 13 (RMK 13) di peringkat kejiranan yang melibatkan komuniti akar umbi. Komuniti kejiranan mula berkerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan swasta untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan kawasan kejiranan mereka. Penglibatan aktif golongan belia dan wanita juga menunjukkan kesediaan generasi muda untuk mengambil peranan kepimpinan dalam memajukan komuniti mereka secara mampan melalui pelbagai aktiviti sosio ekonomi yang dapat menjamin masa depan yang cemerlang untuk golongan belia dan wanita.



Program Kejiranan di Gua Musang, Kelantan

Oleh Karuppiah Palaniandy
(Penyelaras Program Pembangunan Kejiranan, APPGM-SDG)

3 DARIPADA PENERIMA MANFAAT KEPADA RAKAN STRATEGIK: TRANSFORMASI KEPIMPINAN AKAR UMBI DI KAMPUNG TILIS





Kampung Tilis, Parlimen P.181 Tenom, Sabah, merupakan sebuah komuniti yang terletak di kawasan pedalaman Sabah mempunyai potensi besar untuk berkembang melalui penglibatan aktif penduduk, pengukuhan jaringan kejiranan dan kepimpinan akar umbi. Dalam konteks pembangunan luar bandar, kekuatan sesebuah kampung bukan hanya bergantung kepada kemudahan fizikal, tetapi juga kepada keupayaan masyarakat mengenal pasti keperluan, bekerjasama, menyuarakan kepentingan bersama dan mengambil bahagian dalam proses pembangunan.

Atas kesedaran tersebut, Program Kepimpinan dan Kejiranan Kampung Tilis telah dilaksanakan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Tilis, dengan tajaan APPGM SDG dan Yayasan Hasanah. Program ini dilaksanakan dalam dua fasa, iaitu Fasa 1 pada tahun 2024 dan Fasa 2 pada tahun 2026. Program ini menjadi wadah untuk memperkukuh kepimpinan komuniti, meningkatkan semangat kejiranan serta membina masyarakat yang lebih bersatu, prihatin, berdaya tahan dan aktif dalam pembangunan.

Sebagai Ketua Kejiranan Kampung Tilis, visi saya adalah untuk melihat Kampung Tilis menjadi sebuah komuniti yang bersatu, sejahtera, berdaya tahan dan mempunyai kepimpinan komuniti yang berkesan. Visi ini diterjemahkan melalui usaha memperkasa jawatankuasa, menggerakkan penyertaan penduduk, memperjuangkan keperluan komuniti dan membuka akses kepada peluang pembangunan.

Pelaksanaan program memberi tumpuan kepada beberapa tema utama. Antaranya ialah kepimpinan akar umbi dan pemerkasaan jawatankuasa, semangat kejiranan dan perpaduan komuniti, hak dan tanggungjawab warganegara, akses kepada perkhidmatan serta peluang pembangunan, hubungan komuniti dengan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13), pendidikan dan pembangunan modal insan, ekonomi keluarga, alam sekitar, keselamatan serta kesiapsiagaan bencana. Tema-tema ini membentuk pendekatan yang menyeluruh supaya pembangunan kampung tidak hanya berorientasikan infrastruktur, tetapi turut melibatkan pembangunan manusia dan kapasiti komuniti.

Dalam memastikan kepimpinan berjalan secara efektif, beberapa strategi diberi penekanan. Pertama, memimpin dengan teladan melalui amanah, ketelusan, keadilan dan rasa hormat kepada semua penduduk. Kedua, mendengar sebelum bertindak dengan memahami isu sebenar melalui perbincangan dan lawatan komuniti. Ketiga, membina pasukan dengan mengagihkan tugas berdasarkan kekuatan ahli jawatankuasa serta menyediakan pelapis kepimpinan. Keempat, menghubungkan komuniti dengan agensi kerajaan, wakil rakyat, NGO dan rakan strategik. Kelima, bertindak berdasarkan data melalui rekod keperluan komuniti, penerima manfaat, aset dan status tindakan.



Pendekatan ini diperkukuh melalui pelan tindakan lima langkah: Dengar, Rancang, Hubungkan, Laksana dan Pantau. Setiap isu komuniti perlu didengar dan dikenal pasti, dirancang mengikut keutamaan, dihubungkan dengan pihak yang berkaitan, dilaksanakan secara bersama dan akhirnya dipantau melalui dokumentasi serta tindakan susulan.

Aspirasi saya sebagai Ketua Kejiranan adalah untuk membina komuniti yang tidak hanya menjadi penerima pembangunan, tetapi turut menjadi rakan pembangunan. Penduduk perlu mempunyai pengetahuan tentang hak dan tanggungjawab, berani menyuarakan keperluan melalui saluran yang betul, mampu bekerjasama dan mempunyai keupayaan mengurus serta memantau inisiatif komuniti.





Akhirnya, "Tilis Atulai" bukan sekadar slogan. Ia merupakan aspirasi untuk melahirkan kepimpinan yang amanah, kejiranan yang bersatu, warganegara yang berdaya dan pembangunan yang inklusif. Kejayaan program ini bergantung kepada kesinambungan kerjasama antara PIBG, kepimpinan kejiranan, penduduk, sekolah, agensi kerajaan dan rakan strategik. Dengan kepimpinan yang berkesan dan penyertaan komuniti yang aktif, Kampung Tilis mampu bergerak daripada komuniti yang menerima pembangunan kepada komuniti yang turut mencorakkan pembangunan untuk masa depan yang lebih sejahtera dan berdaya tahan.

Oleh Lanjuin Andawai
(Ketua Kejiranan Kampung Tilis, Sabah)

SESI PERBINCANGAN MEJA BULAT PARLIMEN

PERBINCANGAN DASAR SDG APPGM-SDG 2026



BAGAIMANA KEPIMPINAN AKAR UMBI DAN PEMERKASAAN BELIA MEMACU PERUBAHAN DI PAKAN, SARAWAK



Membina Kepimpinan Dari Akar Umbi

Dalam dunia yang semakin pantas berubah, kepimpinan masyarakat tidak lagi hanya bergantung kepada kedudukan atau gelaran. Sebaliknya, nilai seorang pemimpin semakin terserlah melalui keupayaannya mendekati masyarakat, memahami realiti kehidupan di akar umbi dan membawa suara komuniti ke ruang yang lebih luah.

Penampilan satu pendekatan kepimpinan yang berteraskan masyarakat, kebersamaan dan khidmat. Penekanan terhadap hubungan langsung dengan komuniti. Memahami sesuatu isu bukan sekadar melalui laporan atau angka, tetapi dengan mendengar sendiri pengalaman, harapan dan cabaran yang dilalui masyarakat.

Pendekatan turun padang menjadi penting kerana masyarakat di akar umbi mempunyai keperluan yang berbeza mengikut keadaan setempat. Apa yang mungkin dilihat kecil dari sudut pandang umum boleh menjadi perkara besar kepada sesebuah keluarga atau komuniti.

Komitmen ini dibuktikan secara praktikal melalui pertubuhan Kelab Belia Pekan Pakan dan Kelab Bola Sepak Pakan. Sebagai contoh, selaku pengerusi penganjuran program berimpak tinggi di Daerah Pakan dan Julau menjadi bukti nyata usaha saya membina platform kepimpinan dari peringkat bawah.

Membawa Suara Yang Jarang Didengari

Suara masyarakat sebagai sesuatu yang perlu didengar dan diketengahkan. Aspirasi berkaitan Pembangunan komuniti, Pendidikan, peluang ekonomi, belia, kemudahan asas dan kesejahteraan masyarakat merupakan antara perkara yang perlu diberi perhatian secara berterusan.

Peranan seorang pemimpin dalam keadaan ini bukan sekadar menyampaikan pandangan, tetapi memastikan suara tersebut mempunyai saluran untuk sampai kepada pihak berkaitan.

Melalui inisiatif komuniti yang dijalankan saya sentiasa turun padang untuk mendengar sendiri keluhan penduduk rumah panjang dan kawasan pendalaman. Disamping itu, saya bertindak sebagai jambatan bagi membawa isu-isu infrastruktur asas setempat ke perhatian pihak atasan bagi memastikan tiada suara terpinggir.



Generasi Muda Sebagai Pewaris

Satu lagi dimensi penting dalam kepimpinan masyarakat ialah keberanian memberikan ruang kepada generasi muda.

Golongan belia bukan sekadar penerima manfaat Pembangunan, tetapi merupakan asset yang akan menentukan hala tuju komuniti pada masa hadapan. Mereka perlu diberikan peluang untuk terlibat, bersuara, belajar memimpin dan mengambil tanggungjawab dalam masyarakat.

Membina jambatan antara pengalaman generasi terdahulu dengan tenaga, idea dan aspirasi generasi baharu. Menyedari hakikat ini, saya telah

menggerakkan pertandingan Julau Idol bagi mencungkil bakat seni, membina keyakinan diri, serta menyediakan ruang alternatif yang positif untuk belia luar bandar memenuhi masa lapang mereka secara produktif.

Kepimpinan Yang Dibina Atas Kepercayaan

Pada akhirnya, kepimpinan masyarakat adalah tentang kepercayaan. Kepercayaan tidak boleh dibina melalui kata-kata semata-mata. Ia lahir daripada kehadiran, kesungguhan mendengar, konsistensi dalam melaksanakan tanggungjawab dan kesediaan untuk bersama masyarakat ketika berhadapan dengan cabaran.

Inilah yang menjadikan kepimpinan akar umbi mempunyai nilai tersendiri. Pemimpin yang dekat dengan masyarakat berpeluang memahami bukan Sahaja apa yang diperlukan, tetapi juga mengapa sesuatu perkara itu penting kepada kehidupan mereka.

Kepercayaan masyarakat setempat terhadap diri saya dipupuk melalui ketekalan dalam menguruskan aktiviti Kelab Belia Pekan Pakan. Saya sentiasa mengutamakan ketelusan dan keikhlasan dalam setiap program Kebajikan dan sukan rakyat yang dijalankan bersama penduduk setempat.



Lebih Daripada Sebuah Gelaran

Menjadi pemimpin bukan sekadar tentang berada di hadapan, tetapi tentang bersedia berjalan bersama masyarakat. Dalam suasana masyarakat yang semakin kompleks, pendekatan yang berteraskan khidmat, kebersamaan, budaya dan pembangunan komuniti mempunyai tempat yang penting.

Kerana akhirnya, Sejarah sesebuah komuniti bukan hanya ditulis melalui projek atau Pembangunan fizikal yang dibina, tetapi melalui manusia yang bersedia memberikan masa, tenaga, komitmen untuk memastikan masyarakatnya terus bergerak ke hadapan.

Memilih kepimpinan sebagai Amanah untuk mendengar suara akar umbi, memperkukuh kebersamaan dan membuka ruang kepada generasi seterusnya untuk melangkah lebih jauh.



Oleh Kevin Jampang anak Ranggak
(Ketua Kejiranan Kelab Belia Pekan Pakan, Julau, Sarawak)

ARTIKEL SURAT KHABAR MENAMPILKAN

MySDG Centre FOR SOCIAL INCLUSION



The Star

Subscriptions

StarPlus News Asean+ ESG Business Sport Metro Lifestyle Food Tech Education Opinion Videos Photos StarPicks

NATION

Study: Many have little financial breathing room in KV

Thursday, 01 Oct 2026

PETALING JAYA: Rising wages and falling poverty have not insulated many Klang Valley households from financial strain, with unpredictable food, transport and utility costs leaving some families just a month away from crisis, a new study found.

The "Urban Squeeze: Raising the Floor for Economic Security and Mobility in Malaysia" study, jointly conducted by the South-East Asian Futures Initiative Centre (Seafic) and the MySDG Centre for Social Inclusion (MySDG-CSI), found that unpredictable expenses could weigh as heavily on households as high costs.

The study was based on a closed-door focus group of 15 residents from the B40 and M40 categories, including fresh graduates, heads of households, single working mothers, gig workers and senior citizens.

Participants said rent and loan repayments could be planned for, but fluctuating transport, utility and food bills were harder to take care of.

Where public transport was less reliable, some workers had to bear the additional cost of running a vehicle, while some younger workers turned to buy-now-pay-later schemes to manage cash flow.

Baca Artikel Penuh di The Star

5 MEMPERKASA GENERASI KEDUA GUA MUSANG: KEPIMPINAN KOMUNITI DAN DAYA TAHAN EKONOMI DI KESEDAR

Pertubuhan Generasi Kedua KESEDAR (G2K) Gua Musang merupakan sebuah platform yang berperanan dalam memperkukuh penyertaan generasi kedua atau anak-anak peneroka dalam pembangunan komuniti setempat. Keunikan kepimpinan G2K terserlah melalui pendekatan yang berteraskan akar umbi, keprihatinan terhadap keperluan masyarakat serta usaha membina kapasiti generasi muda agar lebih bersedia menghadapi cabaran pembangunan semasa.

Keistimewaan utama kepimpinan tempatan G2K ialah kefahaman yang mendalam terhadap realiti dan aspirasi masyarakat setempat. Pemimpin yang dekat dengan komuniti mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti isu secara lebih tepat, khususnya berkaitan pembangunan sosioekonomi, peluang pekerjaan, pendidikan, kemahiran, keusahawanan dan kesejahteraan keluarga. Kefahaman terhadap persekitaran setempat menjadi asas kepada perancangan program yang lebih relevan, praktikal dan memberi nilai tambah kepada komuniti.

Kepimpinan G2K turut menampilkan pendekatan kepimpinan berasaskan penyertaan masyarakat. Masyarakat tidak dilihat sekadar sebagai penerima manfaat, sebaliknya diberikan ruang untuk menjadi rakan strategik dalam merancang dan melaksanakan sesuatu inisiatif. Pendekatan ini dapat mewujudkan rasa pemilikan bersama terhadap program yang dilaksanakan serta meningkatkan tahap tanggungjawab dan komitmen komuniti. Hubungan yang erat antara pemimpin dan masyarakat juga menjadi asas penting dalam membina kepercayaan serta memperkukuh perpaduan setempat.



Dalam memperkasakan generasi muda, G2K mempunyai peranan strategik sebagai platform pembangunan kepimpinan generasi baharu. Golongan muda perlu diberikan peluang untuk mengurus aktiviti, memimpin pasukan, menyelesaikan masalah dan berinteraksi dengan pelbagai pihak. Pengalaman tersebut bukan sahaja membina kemahiran kepimpinan, malah membentuk keyakinan diri, disiplin, kreativiti dan semangat kesukarelawanan. Pembangunan generasi kedua yang mempunyai kompetensi dan nilai kepimpinan merupakan pelaburan penting kepada kesinambungan pembangunan komuniti pada masa hadapan.

Dari sudut pembangunan ekonomi, kepimpinan G2K boleh menjadi pemangkin kepada usaha memperkasa ekonomi masyarakat melalui pendekatan berasaskan komuniti. Inisiatif dalam bidang pertanian moden, keusahawanan, latihan kemahiran dan pembangunan ekonomi setempat berpotensi membuka ruang kepada masyarakat untuk meningkatkan sumber pendapatan. Pendekatan ini selari dengan keperluan membina komuniti yang bukan sahaja bergantung kepada bantuan, tetapi mempunyai keupayaan untuk berdikari, menjana peluang dan mengurus sumber secara lebih produktif.

Satu lagi ciri penting kepimpinan G2K ialah keupayaan membina jaringan dan kerjasama strategik. Dalam persekitaran pembangunan yang semakin kompleks, kerjasama dengan agensi kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat dan pihak berkepentingan amat diperlukan. Jaringan yang kukuh membolehkan perkongsian kepakaran, sumber, peluang latihan dan pelaksanaan program diperluaskan. Pada masa yang sama, G2K dapat berfungsi sebagai penghubung antara aspirasi masyarakat dengan pelbagai pihak yang mempunyai kapasiti untuk menyokong pembangunan komuniti.

Kepimpinan yang berkesan juga perlu disokong oleh integriti, akauntabiliti, ketelusan dan komunikasi yang baik. Nilai-nilai ini penting dalam memastikan setiap amanah yang diberikan kepada organisasi dilaksanakan secara bertanggungjawab. Kepimpinan bukan sekadar mengenai jawatan, tetapi berkaitan keupayaan membawa masyarakat bergerak secara bersama, membina keyakinan dan menghasilkan perubahan yang mempunyai manfaat jangka panjang.



Kesimpulannya, keunikan kepimpinan tempatan Pertubuhan Generasi Kedua KESEDAR Gua Musang terletak pada keupayaannya menggabungkan kepimpinan akar umbi, penyertaan komuniti, pembangunan generasi muda, pemerkasaan ekonomi dan jaringan strategik. Pendekatan yang berorientasikan masyarakat ini menyediakan asas yang kukuh untuk memperkasakan komuniti secara berterusan. Dengan kepimpinan yang inklusif, berintegriti dan berwawasan, G2K berpotensi terus menjadi wadah penting dalam membangunkan kapasiti generasi kedua serta menyumbang kepada pembentukan komuniti Gua Musang yang lebih berdaya tahan, produktif dan progresif.

Oleh Mat Zaid Muhamad
(Ketua Kejiranan Pertubuhan Generasi Kedua Kesedar (G2K), Gua Musang, Kelantan)



6

DARIPADA *WASTE TO WEALTH*: BAGAIMANA KEPIMPINAN WANITA DI TAMAN DATO' HARUN MEMACU DAYA TAHAN KOMUNITI



Perubahan besar tidak semestinya bermula di tempat yang besar. Kadangkala, ia bermula di sebuah komuniti kecil, dengan sekumpulan wanita, satu idea dan keberanian untuk melihat peluang di sebalik cabaran. Inilah kisah Persatuan Warisan Kraf Wanita (PWKW) apabila kepimpinan akar umbi mengubah cabaran menjadi peluang, dan peluang menjadi perubahan.

Di Flat PKNS, Taman Dato' Harun, Petaling Jaya, Selangor, lahir sebuah gerakan wanita yang percaya bahawa komuniti bukan sekadar penerima perubahan, tetapi mampu menjadi pencipta, rakan solusi dan agen perubahan.

Bagi PWKW, kepimpinan tempatan bukan sekadar memimpin organisasi. Ia adalah tentang mendengar suara komuniti, memahami realiti kehidupan, mengenal pasti potensi dan menggerakkan kekuatan yang ada untuk mencipta penyelesaian.

Ditubuhkan pada 20 Oktober 2023, PWKW berkembang daripada penglibatan aktif wanita komuniti dan kerjasama bersama Impactlution melalui inisiatif *Waste to Wealth* yang bermula pada Oktober 2022. Daripada satu idea kecil, lahirlah satu pendekatan yang menggabungkan pemerkasaan wanita, keusahawanan sosial dan kelestarian alam sekitar.



Melalui *Waste to Wealth*, sisa kaca yang selama ini dianggap tidak bernilai diberi kehidupan kedua dan diubah menjadi produk bernilai seperti pasu hiasan, pasu landskap dan bekas serbaguna. Komuniti juga turut menghasilkan produk mesra alam seperti tuala wanita guna semula.

Namun, nilai sebenar PWKW bukan sekadar pada produk yang dihasilkan. Nilai sebenar terletak pada wanita yang berubah di sebaliknya.

Wanita B40, suri rumah, ibu tunggal dan warga emas diberi peluang membina kemahiran dalam upcycling kaca, glass craft, pembangunan produk, pengurusan perniagaan, kewangan, pengiraan kos dan pemasaran digital. Daripada kemahiran lahir peluang, daripada peluang lahir pendapatan dan daripada pendapatan lahir keyakinan serta kemandirian. Inilah keunikan kepimpinan PWKW: "Dari komuniti, bersama komuniti dan untuk komuniti."



Kepimpinan tempatan juga telah memberi ruang kepada komuniti menggunakan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara untuk bersuara, mengambil bahagian dan menyumbang kepada pembangunan. Apabila komuniti diberi ruang untuk berkongsi pengalaman, mengenal pasti masalah dan membina penyelesaian, mereka tidak lagi hanya menjadi penerima Pembangunan, mereka menjadi rakan dalam pembangunan.

Sebagai Rakan Solusi APPGM-SDG, PWKW membawa pengalaman, suara dan aspirasi komuniti akar umbi ke peringkat yang lebih luas. Pengalaman sebenar komuniti diterjemahkan menjadi input yang boleh menyumbang kepada perbincangan dan usaha pembangunan mampan.

Pendekatan ini turut mempunyai kaitan dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) 2026-2030, khususnya dalam aspek pembangunan inklusif dan mampan, kesejahteraan rakyat, mobiliti sosial, kelestarian alam sekitar serta pengukuhan peranan NGO, gerakan komunit dan perusahaan sosial dalam pembangunan sosioekonomi.

Dalam konteks ini, PWKW menjadi jambatan antara realiti akar umbi dengan aspirasi pembangunan negara.

Namun, perubahan tidak boleh dibina secara bersendirian. Kekuatan PWKW diperkukuh melalui kerjasama dengan Impactlution, MBPJ, pemimpin tempatan, ahli majlis, agensi kerajaan, sektor korporat, institusi pendidikan dan organisasi komuniti. Kerjasama ini membolehkan kepakaran, peluang dan sumber digerakkan untuk memenuhi keperluan sebenar komuniti.

Melalui pendekatan 3R - Reduce, Reuse dan Recycle, komuniti bukan sahaja mengurangkan pembaziran, malah mencipta nilai ekonomi dan meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian.

Apa yang bermula dengan sekumpulan wanita dan satu idea kecil membawa mesej yang lebih besar iaitu "perubahan tidak semestinya bermula dengan sumber yang besar. Ia bermula apabila komuniti percaya bahawa mereka sendiri mampu mencipta perubahan."



Apabila seorang wanita memperoleh kemahiran, sebuah keluarga mendapat peluang. Apabila sebuah komuniti mempunyai suara, pembangunan menjadi lebih dekat dengan realiti.

Justeru, komuniti bukan sekadar penerima perubahan.

Komuniti ialah pencipta.
Komuniti ialah rakan solusi.
Komuniti ialah agen perubahan.

Daripada sisa kepada nilai, kemahiran kepada pendapatan, suara kepada penyertaan dan komuniti kepada pembangunan mampan, PWKW membuktikan bahawa kepimpinan yang dekat dengan akar umbi mampu mengubah cabaran menjadi peluang dan peluang menjadi impak.

Mungkin perubahan itu bermula dengan sebuah botol kaca, sehelai kain, sepasang tangan dan satu idea. Namun apabila digerakkan bersama, ia mampu melahirkan keyakinan, pendapatan, jaringan, kelestarian dan masa depan komuniti.

"Mengubah Sisa kepada Bernilai, Memperkasa Wanita, Membina Komuniti Mampan."

Kerana perubahan yang sebenar bukan sekadar membina komuniti, tetapi memperkasa komuniti untuk membina perubahan.



Oleh Mimi Zairol Mohamad Nor
(Ketua Kejiranan Persatuan Warisan Kraf Wanita, PWKW))

PAPARKAN KISAH ANDA



Mahukan kisah anda dipaparkan dalam buletin kami? Jom kongsi cerita anda sekarang.

7 MEMPERKASA KOMUNITI LANGKAWI: KEPIMPINAN TEMPATAN, PEMERKASAAN WANITA, DAN TINDAKAN LESTARI



Kepimpinan tempatan merupakan elemen penting dalam membangunkan komuniti yang sejahtera, inklusif dan mampan. Pemimpin yang berkesan bukan sahaja berperanan sebagai penggerak program, malah menjadi penghubung antara masyarakat, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Dalam konteks ini, saya, selaku Penyelaras Tempatan (LC) APPGM-SDG Langkawi dan Pengerusi Persatuan Wanita Langkawi (LAWA), memainkan peranan penting dalam memperkasa komuniti setempat melalui pendekatan kepimpinan yang berteraskan kerjasama, keprihatinan dan tindakan bersama.

Keunikan kepimpinan terserlah melalui penglibatan aktif dalam memahami keperluan masyarakat di Pulau Langkawi. Sebagai LC, saya bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan program berasaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan memberi perhatian kepada isu dan cabaran yang dihadapi oleh komuniti. Pendekatan ini bukan sekadar menumpukan pelaksanaan aktiviti, tetapi turut melibatkan proses mengenal pasti permasalahan, mendapatkan maklum balas masyarakat dan menghubungkan komuniti dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.


Gambar Bersama Penyelaras Tempatan (LC) Zon Utara.

Bagi saya, pembangunan komuniti yang berkesan perlu bermula dengan mendengar suara masyarakat. Setiap kumpulan mempunyai keperluan dan cabaran yang berbeza, termasuk wanita, keluarga, warga emas, kanak-kanak, belia serta golongan rentan. Oleh itu, pemimpin harus mengutamakan pendekatan turun padang bagi memahami realiti kehidupan masyarakat setempat. Hubungan rapat dengan komuniti membolehkan perancangan program dilaksanakan secara lebih bersasar, bersesuaian dengan keperluan sebenar dan berpotensi memberikan manfaat berterusan.


Gambar Bersama Persatuan LAWA

Sebagai Pengerusi Persatuan Wanita Langkawi (LAWA), saya turut memberikan tumpuan kepada pembangunan dan pemerkasaan wanita di peringkat akar umbi. Saya melihat wanita bukan sekadar penerima manfaat pembangunan, tetapi merupakan rakan strategik yang mempunyai keupayaan untuk memimpin, menyumbang idea dan membawa perubahan dalam masyarakat. Melalui pelbagai aktiviti komuniti, LAWA menjadi platform untuk menggalakkan penyertaan wanita, meningkatkan keyakinan diri serta memperluas peluang pembangunan kemahiran dan kepimpinan.

Salah satu keunikan kepimpinan ialah kebolehan menghubungkan pelbagai pihak bagi menjayakan agenda pembangunan komuniti. Kerjasama antara LAWA, jawatankuasa kejiranan, agensi kerajaan, pemimpin tempatan dan rakan strategik menjadi asas kepada pelaksanaan program yang lebih menyeluruh. Melalui jaringan kerjasama ini, sumber, kepakaran dan pengalaman dapat digembleng bagi menangani isu masyarakat secara bersama.Pendekatan tersebut turut mengukuhkan semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab bersama dalam membangunkan komuniti Langkawi.

Dalam melaksanakan tanggungjawab kepimpinan, saya turut menekankan kepentingan perpaduan dan semangat kejiranan. Saya percaya bahawa komuniti yang kukuh terbentuk apabila masyarakat saling mengenali, menghormati perbezaan dan bersedia bekerjasama. Program kemasyarakatan bukan sahaja menjadi ruang untuk menyampaikan bantuan atau melaksanakan aktiviti, malah berfungsi sebagai medium membina hubungan sosial, memupuk persefahaman dan memperkukuh keharmonian dalam kalangan penduduk pelbagai latar belakang.

Pengalaman saya dalam menyelaras program pembangunan komuniti juga memperlihatkan kepentingan kepimpinan yang fleksibel, berdaya tahan dan berorientasikan penyelesaian. Setiap program mempunyai cabaran tersendiri, sama ada dari aspek penyelarasan, penglibatan peserta mahupun kerjasama antara pihak berkepentingan. Justeru, Saya mengamalkan pendekatan yang mengutamakan komunikasi, perancangan dan penyelesaian secara bersama. Baginya, kejayaan sesebuah program tidak hanya diukur melalui jumlah penyertaan, tetapi juga melalui manfaat yang dirasai masyarakat serta potensi kesinambungan usaha selepas program berakhir.

Keunikan kepimpinan turut terletak pada keupayaannya mengimbangi peranan sebagai penyelaras pembangunan dan pemimpin pertubuhan wanita. Kedua-dua peranan ini saling melengkapi dalam memperluas jaringan kerjasama, memperkukuh penyertaan masyarakat dan memastikan suara komuniti diberikan perhatian. Saya berusaha menjadikan pembangunan sebagai tanggungjawab bersama, bukannya tugas seorang pemimpin semata-mata.



Pengiktirafan terhadap kepimpinan dan sumbangan dalam pembangunan komuniti turut dizahirkan apabila saya telah terpilih sebagai penerima *KSI Professional & Leadership Development Award* (KSI PDA) pada 15 September 2026, bertempat di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.



Pencapaian ini menjadi satu penghormatan bermakna yang mencerminkan pengiktirafan terhadap komitmen, dedikasi dan sumbangan beliau dalam kepimpinan tempatan. Anugerah tersebut turut menjadi pemangkin semangat untuk terus memperkukuh usaha pembangunan komuniti, memperkasa wanita dan membawa aspirasi masyarakat Langkawi ke arah masa depan yang lebih inklusif dan mampan.

Kesimpulannya, kepimpinan mencerminkan ciri pemimpin tempatan yang dekat dengan masyarakat, mengutamakan kerjasama dan komited terhadap pembangunan komuniti. Pemilihan sebagai penerima KSI PDA 2026 merupakan satu pengiktirafan bermakna dalam perjalanan kepimpinan saya. Melalui peranan sebagai Penyeleras Tempatan APPGM-SDG untuk Langkawi dan Pengerusi Persatuan Wanita Langkawi (LAWA), ia terus menyumbang kepada usaha memperkasa wanita, memperkukuh kejiranan dan membina masyarakat yang lebih inklusif serta mampan. Kepimpinan ini membuktikan bahawa perubahan bermakna bermula daripada keprihatinan, tindakan dan komitmen di peringkat akar umbi.

Oleh Azlina Mansor
(Ketua Kejiranan Persatuan Wanita Langkawi (LAWA), Kedah)

8 MEMIMPIN BERSAMA KOMUNITI: BAGAIMANA TAMAN ANGKASA NURI MEMBINA KEJIRANAN YANG BERDAYA TAHAN, INKLUSIF, DAN AKTIF

17 PERKONGSIAN UNTUK MATLAMAT

Kepimpinan di peringkat kejiranan mempunyai keunikan tersendiri kerana ia lahir daripada keperluan, pengalaman dan aspirasi masyarakat setempat. Seorang pemimpin kejiranan bukan sekadar memegang jawatan tetapi menjadi penghubung antara masyarakat dengan agensi kerajaan, menjadi tempat rujukan penduduk serta penggerak kepada pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada komuniti. Keunikan kepimpinan tempatan terletak pada keupayaannya mendekati masyarakat secara langsung, memahami permasalahan mereka dan bersama-sama mencari penyelesaian secara berterusan.

Dalam konteks Taman Angkasa Nuri, kepimpinan kejiranan dibangunkan berasaskan semangat kebersamaan, gotong-royong dan tanggungjawab bersama. Kepimpinan yang berkesan tidak hanya bergantung kepada arahan daripada seorang individu sebaliknya mengutamakan penglibatan penduduk, ahli jawatankuasa, golongan belia, wanita, kanak-kanak dan pelbagai lapisan masyarakat. Setiap pandangan diberi ruang dan setiap individu digalakkan menyumbang mengikut kemampuan masing-masing.

Antara keunikan kepimpinan tempatan ialah pendekatan "turun padang". Pemimpin kejiranan perlu berada bersama masyarakat, bukan hanya ketika program rasmi, malah dalam kehidupan seharian. Masalah kebersihan, keselamatan, kesihatan, kemudahan awam dan kebajikan penduduk memerlukan perhatian secara dekat dan berterusan. Melalui pendekatan ini, hubungan antara pemimpin dengan masyarakat menjadi lebih erat dan kepercayaan dapat dibina secara semula jadi.

Kepimpinan tempatan juga mempunyai peranan penting dalam mengubah kawasan kejiranan menjadi sebuah komuniti yang aktif dan produktif. Di Taman Angkasa Nuri, aktiviti seperti gotong-royong, program kesihatan komuniti, aktiviti belia, program kekeluargaan serta pembangunan Kebun Komuniti menjadi platform untuk mengeratkan hubungan penduduk. Kebun Komuniti bukan sahaja berfungsi sebagai ruang pertanian bandar, malah menjadi pusat pembelajaran, interaksi sosial dan aktiviti ekonomi komuniti melalui tanaman hidroponik, sayur-sayuran serta projek ternakan ikan air tawar.

Keunikan kepimpinan tempatan turut terserlah melalui keupayaan menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak. Hubungan dengan pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat dan sektor swasta dapat membantu komuniti mendapatkan sokongan, kepakaran serta peluang pembangunan. Jaringan kerjasama ini membuktikan bahawa kejayaan sesebuah kawasan kejiranan bukan hasil usaha seorang pemimpin semata-mata, tetapi hasil gabungan tenaga dan komitmen pelbagai pihak.



Selain pembangunan fizikal, kepimpinan kejiranan perlu memberi perhatian kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai murni. Aktiviti kemasyarakatan, program keagamaan, pendidikan, kesihatan, keselamatan dan pembangunan belia mampu membentuk masyarakat yang lebih prihatin, bertanggungjawab dan saling menghormati. Dalam keadaan masyarakat yang mempunyai latar belakang serta keperluan yang berbeza, pemimpin tempatan perlu menjadi penyatu yang mampu membina persefahaman dan semangat kekitaan.

Pada masa yang sama, pemimpin kejiranan perlu bersedia menerima perubahan. Penggunaan teknologi dan media sosial boleh dimanfaatkan sebagai medium komunikasi yang pantas antara jawatankuasa dengan penduduk. Maklumat berkaitan program, aktiviti kebersihan, keselamatan, kebajikan dan peluang komuniti dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Pendekatan ini menjadikan kepimpinan kejiranan lebih terbuka, responsif dan dekat dengan generasi muda.



Kesimpulannya, keunikan kepimpinan tempatan terletak pada hubungan rapat antara pemimpin dan masyarakat. Pemimpin kejiranan bukan sekadar pengurus program, tetapi merupakan penggerak, pendengar, penghubung dan penyatu komuniti. Kepimpinan yang berteraskan kebersamaan mampu melahirkan sebuah kejiranan yang bukan sahaja bersih, sihat dan selamat, malah mempunyai semangat kekitaan serta keupayaan untuk berkembang secara mampan. Inilah kekuatan sebenar kepimpinan tempatan memimpin bersama masyarakat, bergerak bersama masyarakat dan membina masa depan bersama masyarakat.

Oleh Noor Erwan Idris
(Ketua Kejiranan Persatuan Komuniti Taman Angkasa Nuri, Melaka)

MODUL HAK WARGANEGARA & RANCANGAN MALAYSIA KE-13 (RMK13)

PENGENALAN

Modul-modul mengenai Pendidikan Hak Warganegara dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dibangunkan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat di peringkat akar umbi mengenai keutamaan RMK13 bagi tempoh 5 tahun akan datang, serta kesedaran terhadap hak-hak mereka selaras dengan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR). Modul ini bertujuan untuk menerapkan pendekatan berpartisipasi dalam pembentukan dasar dan penyebaran pengetahuan mengenai hak, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 16.7 (SDG 16.7).

Dengan Kerjasama:

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
YAYASAN HASANAH
MySDG Centre FOR SOCIAL INCLUSION

PEMBENTANGAN BENGKEL:



MODUL JURULATIH:



09 12 - 13 SEPTEMBER 2026



RISE 2026 ZON UTARA: MEMPERKUKUH RAKAN SOLUSI BAGI IMPAK KOMUNITI YANG LEBIH BESAR

Rising Impact through Sustainable Empowerment (RISE) 2026 Zon Utara telah diadakan pada 12–13 September 2026 di Casuarina Meru, Ipoh, sebagai Persidangan Pembangunan Kapasiti Rakan Solusi (SP) Zon Utara. Program ini menghimpunkan 66 SP, 13 penerima manfaat komuniti, 8 rakan strategik dan organisasi sokongan, serta wakil daripada 5 agensi kerajaan. Program dua hari ini menyediakan platform bagi para SP untuk bertukar pengalaman, memperkukuh keupayaan, membina jaringan, dan meneroka peluang bagi meningkatkan kelestarian serta impak inisiatif komuniti mereka.

Program dimulakan dengan pengenalan oleh Dr. Thanaraj Murudi, Ketua Zon Utara APPGM-SDG, diikuti dengan ucapan pembukaan oleh YB Dr. V. Sivakumar, Ahli Parlimen Batu Gajah. Panel pertama, "Kisah Impak Rakan Solusi", mengetengahkan pengalaman praktikal daripada *Caring Perak Association* menerusi *Mom's Cottage,* Masjid Al Taufiqiah Khairiah, PKK Kampung Pokok Assam, dan BONUSMART. Daripada hanya menumpukan pada aktiviti projek, perkongsian tersebut menekankan bagaimana inisiatif komuniti memberi maklum balas terhadap keperluan tempatan dan mencipta manfaat nyata bagi penerima manfaat mereka.



Ini disusuli dengan sesi Penilaian Impak yang dikendalikan oleh Dr. Nur Amirah Borhan dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sesi ini memperkenalkan kepentingan melihat melangkaui hasil (*output*) dan aktiviti, merentasi impak (*outcome*) serta perubahan yang dijana oleh projek komuniti. Bagi para SP, ini memberikan perspektif yang berguna tentang bagaimana impak projek dapat difahami, didokumenkan, dan disampaikan dengan lebih baik.

Panel "Kesediaan Pasaran & Teknik Jualan" memeperluas lagi pembelajaran dengan menangani aspek penting dalam kelestarian projek, iaitu keupayaan untuk menghubungkan produk dan perkhidmatan dengan pasaran yang sesuai. Sumbangan daripada Taman Sara, KOP-SDG Bhd., dan KRT Chemor Idaman memberikan perspektif praktikal dalam memahami keperluan pasaran, menambah baik pendekatan jualan, dan memperkukuh potensi komersial inisiatif berasaskan komuniti.



Sesi perkongsian "Daripada Komuniti untuk Komuniti: Memperkasa Komuniti, Membina Perubahan Bersama-sama" oleh Puan Jamilah Zakaria, Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Perak (Wanita Perak), mengetengahkan satu lagi dimensi penting dalam pembangunan komuniti: penyertaan bermakna dan tindakan kolektif. Ia memperkukuh peranan komuniti bukan sekadar sebagai penerima manfaat, tetapi sebagai penyumbang aktif dalam mencipta dan mengekalkan penyelesaian tempatan.

Salah satu komponen interaktif utama pada Hari Pertama ialah *Roving Workshop* 16 stesen. Para peserta bergerak di antara stesen yang menampilkan projek komuniti, SP, agensi kerajaan, dan organisasi sokongan. Format ini menggalakkan pertukaran pengetahuan dan pengalaman secara langsung, membolehkan para SP belajar daripada pelbagai pendekatan, produk, perkhidmatan, dan penyelesaian komuniti yang berbeza di luar projek mereka sendiri.

Hari Kedua dimulakan dengan perbincangan daripada projek individu kepada ekosistem sosial dan ekonomi yang lebih luas. Selepas majlis pembukaan dan perasmian oleh YB Kapten Azahari Hasan (Ahli Parlimen Padang Rengas), sesi pleno mengenai "RMK13: Pemerkasaan Ekonomi Sosial dan Sektor Ketiga" bermula dengan menghimpunkan wakil-wakil daripada APPGM-SDG, SME Corp Malaysia, Institut Koperasi Malaysia (IKMA), *QUEST International University* (QIU), dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Sesi ini memberi para SP perspektif yang lebih luas mengenai ekonomi sosial, sektor ketiga, dan kepentingan memperkukuh sokongan institusi serta ekosistem bagi inisiatif komuniti. Sesi ini turut merangkumi soalan-soalan praktikal mengenai akses pasaran, pengagregatan produk, sokongan perniagaan, dan pembiayaan.

Mengenai usaha menghimpunkan produk SP untuk pemasaran yang lebih luas, Dr. Nachiamei Ramasamy, Pengurus Besar Bakat & Pembangunan Mampan NCER, berkongsi pengalaman NCER dalam membangunkan pusat pengumpulan pertanian dan memudah cara akses ke pasaran yang lebih luas serta antarabangsa, dengan menekankan nilai kerjasama dalam menangani cabaran volume pengeluaran, penjenamaan, dan kualiti. Para peserta juga memohon penjelasan mengenai hibah RM200,000 bagi syarikat Perniagaan Inklusif (*Inclusive Business* - IB) yang baru dinilai. Cik Azrine Othman, Pengarah Negeri SME Corp. Malaysia (Perak), menjelaskan bahawa hibah tersebut boleh menyokong bidang merangkumi jentera dan peralatan, infrastruktur, pendigitalan, modal kerja, pemasaran, serta penyelidikan dan pembangunan. Tuan Mohd Zahid Md Yunus, Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan IKMA, turut mengetengahkan platform Mymall KUSKOP dan inisiatif "Power Up 10K" bagi perusahaan mikro, kecil, dan sederhana.





Panel "Kaedah untuk Meningkatkan Skala Ekonomi Sosial" meneroka bagaimana inisiatif berasaskan komuniti dan perusahaan sosial boleh bergerak melangkaui pelaksanaan skala kecil. Perbincangan yang melibatkan Athanliz Innovations, Bank Rakyat, dan STeP menyentuh bidang seperti inovasi, pembiayaan, akses pasaran, dan sokongan institusi, memberikan pertimbangan praktikal kepada para SP untuk membangunkan inisiatif yang boleh berkembang sambil mengekalkan tujuan sosial mereka.

RISE 2026 juga memperkukuh dokumentasi dan asas pengetahuan rangkaian SP menerusi sesi Pengumpulan Data SP yang dikendalikan oleh KOP-SDG Bhd. Laporan kewangan daripada SP 2025 telah dikumpul untuk menjejaki pendapatan dan perbelanjaan projek, membantu APPGM-SDG memahami prestasi kewangan, hasil, impak, dan kelestarian mereka.

Secara keseluruhan, RISE 2026 Zon Utara berfungsi lebih daripada sekadar persidangan pembangunan kapasiti, dengan menyediakan peluang kepada para SP untuk saling belajar antara satu sama lain, merenung impak mereka, memperkukuh kesediaan pasaran, meneroka laluan untuk menskalakan inisiatif ekonomi sosial, serta terhubung dengan rakan strategik dan institusi sokongan. Menerusi pertukaran ini, RISE menyumbang kepada pembentukan rangkaian SP yang lebih kukuh dan dilengkapi untuk membangunkan penyelesaian yang lebih berimpak, mampan, dan responsif terhadap komuniti.



Oleh Rose Helen Ambrose,
Ruang Komuniti MySDG Zon Utara, Ipoh

10 15 SEPTEMBER 2026



PEMIMPIN AKAR UMBI DIRAIKAN DI SIDANG KEMUNCAK KEPIMPINAN KELESTARIAN MALAYSIA KE-5

Individu-individu yang membawa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) ke peringkat akar umbi Malaysia telah menjadi tumpuan utama pada Sidang Kemuncak Kepimpinan Kelestarian Malaysia Ke-5. Seramai 12 Penyelaras Tempatan (LC) dan Ketua Kejiranan daripada APPGM-SDG adalah antara penerima Anugerah Ikon Impak Komuniti SDG Malaysia, yang disampaikan oleh *KSI Strategic Institute for Asia Pacific* (KSI).

Sidang kemuncak ini dianjurkan bersama oleh KSI, APPGM-SDG, dan *Economic Club of Kuala Lumpur* (ECKL) di Majestic Hotel Kuala Lumpur. Seramai kira-kira 130 pembuat dasar, ahli parlimen, pegawai kerajaan, pemimpin perniagaan dan kelestarian, wakil masyarakat sivil, serta pemimpin komuniti telah menghadiri majlis tersebut yang bertemakan "Memacu Pembangunan Mampan Menerusi Perkongsian dan Kerjasama Transformatif."



Mengiktiraf Kepimpinan di Peringkat Paling Utama

Anugerah Ikon Impak Komuniti, yang disampaikan bersama Anugerah Kecemerlangan SDG Khas, mengiktiraf individu dan organisasi yang menunjukkan komitmen nyata serta impak yang boleh diukur dalam memajukan SDG. Bagi APPGM-SDG, pengiktirafan terhadap LC dan Ketua Kejiranannya merupakan satu detik yang sangat bermakna.

Pemimpin-pemimpin ini membentuk tulang belakang kepada Inisiatif Intervensi Dasar. Berkhidmat di peringkat daerah dan kejiranan, mereka memperkukuh kepimpinan serta tata kelola tempatan, menggerakkan penduduk, dan menghubungkan realiti komuniti dengan proses pembentukan dasar. Usaha mereka merangkumi penglibatan komuniti bagi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dan pendidikan hak warganegara —dua bidang di mana suara rakyat biasa, terutamanya golongan yang berisiko terpinggir, perlu didengari.



Sebahagian besar daripada usaha ini berlaku di belakang tabir. Ia melibatkan penganjuran perjumpaan komuniti, mendengar luahan penduduk, mendokumentasikan isu tempatan, membuat tindakan susulan dengan agensi-agensi berkenaan, dan membina kepercayaan dari peringkat awal. Anugerah ini mengiktiraf pengorbanan peribadi di sebalik komitmen tersebut, memandangkan ramai dalam kalangan pemimpin ini mencurahkan masa dan tenaga mereka tanpa mengharapkan pengiktirafan formal.

Belajar dari Akar Umbi

Rangkaian 55 LC dan 46 Ketua Kejiranan ini juga telah membentuk cara APPGM-SDG mengendalikan kerja-kerja berkaitan dasar. Paniirselvam Jayaraman, Pengarah Jabatan Solusi Dasar di APPGM-SDG, telah bekerjasama rapat dengan mereka selama lebih dua tahun.

"Saya bertuah kerana berpeluang bekerjasama sepenuhnya bersama mereka selama lebih dua tahun dan mempelajari amalan terbaik daripada setiap seorang daripada mereka," katanya. "Malah, kerangka solusi dasar dengan penglibatan komuniti yang berkesan yang kami bangunkan terhasil daripada pembelajaran bersama mereka semua: 55 LC dan 46 Ketua Kejiranan."

Ini mencerminkan pegangan teras APPGM-SDG: dasar yang berkesan tidak hanya mengalir secara atas ke bawah (*top-down*). Pemimpin tempatan paling memahami keperluan, kekangan, dan kekuatan komuniti mereka, dan pandangan mereka menukar komitmen nasional menjadi penyelesaian praktikal yang berakar di peringkat tempatan.

Sidang Kemuncak Dibina atas Dasar Kerjasama

Sesi penyampaian anugerah ini berlangsung ketika perbincangan yang lebih luas mengenai kerjasama strategik. Sidang kemuncak ini dibuka dengan ucapan ucaptama oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ucapan alu-aluan pula disampaikan oleh Tan Sri Michael Yeoh, Presiden KSI merangkap Naib Pengerusi Rangkaian Perniagaan Mampan UN ESCAP, dan Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Ketua Sekretariat APPGM-SDG merangkap Presiden Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari. Encik Nikolas Myint, Penyelaras Residen PBB bagi Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam, turut menyampaikan ucapan khas.

Datuk Seri Mohd Iqbal Rawther, Pengerusi ECKL, menyampaikan ucapan pengenalan. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), menyampaikan ucaptama majlis makan tengah hari.

Tema teras sidang kemuncak ini ialah pendekatan Kerjasama Awam-Swasta-Rakyat *(Public-Private-People Partnership* - 4P). Sesi pleno pertama, yang dikendalikan oleh Puan Anita Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan MySDG, menampilkan Dr. Khairil Ahmad daripada Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial, bersama ahli panel daripada Khazanah Nasional, UNDP, dan ENHEROES Group.





Sesi penutup bertajuk "Ekonomi Sosial dan Sektor Ketiga: Memperkasa Komuniti untuk Pertumbuhan Inklusif dan Kesejahteraan," telah dikendalikan oleh James Ryan Raj, Timbalan Pengarah Eksekutif APPGM-SDG. Sesi ini mengetengahkan penyelesaian diterajui komuniti menerusi ahli panel seperti Zoel Ng daripada Akademi MySDG, serta Azlini dan Sridayu, iaitu pemimpin akar umbi daripada koperasi dan persatuan wanita. Mereka menunjukkan bagaimana perusahaan komuniti, pembangunan tempatan, dan penjanaan pendapatan memacu pertumbuhan inklusif—iaitu lapangan usaha yang sama diterokai oleh para penerima anugerah setiap hari.

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan

APPGM-SDG merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah, khususnya kepada LC dan Ketua Kejiranan yang dedikasinya mendapat pengiktirafan di pentas kebangsaan. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Hasanah atas kerjasamanya dan sokongan berterusan dalam menjayakan usaha kepimpinan komuniti ini.

Pengiktirafan mereka mengingatkan kita bahawa SDG dicapai di kawasan kejiranan—melalui sebuah komuniti dan seorang pemimpin yang komited pada satu-satu masa.



Oleh Paniirselvam Jayaraman
(Jabatan Solusi Dasar)



Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Parlimen di atas kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Sepanjang bulan ini, APPGM-SDG telah berpeluang untuk mengadakan sesi libat urus di pelbagai kawasan parlimen melalui pelbagai mesyuarat dan acara. Kejayaan ini dicapai hasil daripada usaha dedikasi antara Ahli-ahli Parlimen dan APPGM-SDG. Kami amat menghargai sinergi antara dasar dan tindakan akar umbi ini, dan kami berharap dapat terus memperkukuh kerjasama ini demi memajukan Matlamat Pembangunan Mampan di seluruh Malaysia.

BACA KISAH RAKAN SOLUSI DI AKHBAR









APPGM-SDG

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)

A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

https://appgm-sdg.com/